

R GB 23-09 00210 BB474

AAB

Mahathir - Jamuan

- Daripada: Abdul Rahman Sulaiman

(EMBARGO: Untuk Siaran Selepas Pukul 3 Pagi, 23 Sept)

DUBLIN, 22 Sept (Bernama) -- Malaysia malam ini menawarkan salam persahabatan dan berjanji untuk bekerjasama dengan Ireland untuk menjaga kepentingan bersama daripada ditenggelamkan oleh negara yang lebih kuat dan maju.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang membuat tawaran itu berkata, walaupun kedua-dua negara menjadi anggota pertubuhan serantau iaitu Malaysia dalam Asean dan Ireland dalam Kesatuan Eropah, adalah mustahak bagi negara kecil bekerjasama dan mengukuhkan hubungan bersama.

Dr Mahathir yang kini dalam rangka lawatan rasmi selama empat hari ke Ireland berkata demikian pada Jamuan Malam yang diberikan rakan sejawatannya dari Ireland, Albert Reynolds di Royal Hospital, Kilmainham, di sini.

Sambil menegaskan bahawa kepentingan negara-negara kecil secara bersendirian mungkin ditenggelamkan negara yang kuat dan lebih maju, Perdana Menteri berkata: +Kita tidak perlu meneliti sejarah untuk mendapatkan pelajaran mengenai realiti bahawa negara kecil boleh diperkotak-katikkan, terutamanya apabila masa depan mereka tidak mendatangkan kesan kepada negara-negara besar.+

Sambil menyifatkan bahawa hubungan Malaysia-Ireland setakat ini amnya baik, perdana menteri berpendapat bahawa hubungan itu pasif.

+Kita seperti dua buah negara jiran yang sekian lama berbaik-baik tetapi hubungan itu tidak lebih daripada berkenalan sahaja.+ -- Lagi.

▼23/09/00-23MST

R GB 23-09 00177 BB476

AAB-

(ULANGAN)

Mahathir - Jamuan 2 Dublin (EMBARGO)

Dr Mahathir yakin masanya telah tiba bagi kedua-dua negara untuk menggalakkan lebih banyak interaksi dan meletakkan hubungan dua hala mereka pada asas yang lebih kukuh.

Dr Mahathir, yang terdahulu daripada itu telah berbincang dengan Reynolds berkata, beliau gembira bahawa mereka amnya bersetuju mengenai pontensi memperluas hubungan yang sudah terjalin.

Katanya, bagi Malaysia, ia komited kepada mengekalkan perdagangan bebas dengan ekonomi-ekonomi lain di dunia.

+Bagi kita, pengwujudan satu sistem perdagangan antarabangsa yang bebas dan terbuka adalah amat penting sekali.+

+Oleh itu kita memandang berat penubuhan kumpulan ekonomi serantau yang menunjukkan tanda-tanda untuk menjadi blok perdagangan,+ jelasnya.

Sambil menyebut Kesatuan Eropah sebagai contoh, Dr Mahathir berkata, pertubuhan itu sedang menuju perlahan-lahan ke arah membebaskan darinya daripada ekonomi lain dunia.

Di rantau Atlantik, katanya, Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara atau Nafta yang kini membabitkan AS, Kanada dan Mexico dan mungkin juga negara Latin Amerika yang lain pada satu peringkat kemudian, merupakan satu lagi contoh sebuah blok perdagangan. -- Lagi.

▼23/09/00-38MST

Katanya, memandangkan EC dan Amerika Utara ialah rakan perdagangan penting Malaysia dan negara anggota Asean yang lain, mereka bimbang perkembangan itu akan mewujudkan perdagangan bebas hanya dalam lingkungan sempadan yang ditetapkan.

Dr Mahathir menjelaskan memandangkan hal ini, negara anggota Asean telah mencadangkan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang akan membawa mereka dan ekonomi dinamik yang lain di Asia Timur agar bersatu.

Negara-negara itu tidak akan menjadi blok perdagangan kerana mereka semua bergantung kepada perdagangan dan hubungan ekonomi dengan bahagian lain di dunia.

Ia bertujuan untuk mengukuhkan lagi suara perdagangan bebas dengan menyatukan suara negara-negara kecil melalui pendirian bersama semasa merundingkan isu-isu bersama di peringkat antarabangsa. -- Bernama.